

## **PENGARUH DIDIK HIBUR DALAM MENINGKATKAN KESEDIAAN BELAJAR KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU MURID BELUM MENGUASAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM**

**[THE INFLUENCE OF EDUTAINMENT IN ENHANCING THE LEARNING  
READINESS OF READING SKILLS IN MALAY LANGUAGE  
OF LOW ACHIEVER STUDENTS]**

NORLELA AHMAD<sup>1</sup>  
SHAMSUDIN OTHMAN<sup>2</sup>  
AZHAR MD SABIL<sup>2</sup>  
MARZNI MOHAMED MOKHTAR<sup>2</sup>  
MOHD AZUAN MOHD NAWAWI<sup>1</sup>  
ZULLAILI HASON<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Didik hibur merupakan kaedah pengajaran yang bersifat santai dan menyeronokkan bagi menghasilkan pembelajaran berkesan. Kajian ini meninjau permasalahan membaca dalam kalangan murid belum menguasai tahap pencapaian minimum dan pengaruh didik hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca bahasa Melayu. Tujuan kajian adalah mengesan punca yang menyebabkan murid di luar bandar sukar menguasai kemahiran membaca dan pengaruh didik hibur bagi meningkatkan kesediaan murid belajar membaca. Tumpuan diberikan kepada kesediaan belajar dan pengaruh latar belakang murid. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif manakala sampel kajian adalah lima orang murid tahun enam yang dipilih hasil ujian diagnostik membaca. Kajian menggunakan analisis instrumen temu bual dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menjelaskan murid-murid tidak menguasai kemahiran asas membaca berpunca daripada kesediaan belajar mereka yang rendah seperti sikap pasif, kurang berkeyakinan, dan malas berusaha untuk membaca. Mereka juga kurang motivasi diri dan tidak berminat untuk belajar perkara yang dirasakan susah. Taraf sosio ekonomi keluarga murid, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, serta persekitaran pembelajaran di rumah yang kurang memberangsangkan menjadi punca permasalahan. Sikap kebergantungan ibu bapa kepada pihak sekolah, serta kesibukan mencari rezeki menyebabkan pembelajaran membaca anak mereka terabai. Seterusnya, kajian ini mencadangkan kaedah didik hibur dalam pengajaran membaca. Kesimpulannya, dapatkan ini dapat membantu guru-guru mengenal pasti tahap kesediaan belajar murid dalam pembelajaran dan menyusun semula strategi pengajaran dan pembelajaran di kelas. Penggunaan didik hibur membantu guru merancang kaedah mengajar yang berkesan untuk menghasilkan satu produk yang bermutu tinggi.

<sup>1</sup> Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor, 45000 Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Malaysia.

#### **Corresponding Author:**

NORLELA AHMAD, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor, 45000 Selangor, Malaysia.

E-mail: norlela2204@gmail.com

s\_shamsudin@upm.edu.my<sup>1</sup>, azhar.sabil@upm.edu.my<sup>2</sup> marzni@upm.edu.my<sup>1</sup>, mohdazuan.nawawi@moe.gov.my<sup>1</sup>, arnahzullaili6362@gmail.com<sup>1</sup>.

**Kata Kunci:** didik hibur, kemahiran membaca, kesediaan belajar, latar belakang keluarga.

## Abstract

Fun learning is a teaching methodology proposed to set a relaxing and joyful environment to resume effective learning. This study reviewed the problems of reading among students whom are yet to master the minimum performance levels, influences of edutainment in improving reading skills, as well as willingness to learn Malay language. The purpose of the study is to identify the root that cause students in rural areas who do not comprehend reading skills, as well as the influence of edutainment in increasing students' readiness to learn reading. The objectives are focus on learning readiness and the influence of the students' background. The design of this research is qualitative study, while the sample group is five sixth grade students in a primary school selected from their reading test results. Interview and document analysis are used as the methodology of the research. The study found that students do not master the basic of reading skills due to their low learning readiness such as passive attitude, lack of confidence and laziness in reading. Furthermore, they are also lack of self-motivation and are not keen in learning something they thought difficult. This could be due to the socio-economic status of the students' family, low level of parental education, as well as the poor learning environment at home. Moreover, parents' dependence on the school and their tied-up of earning a living contribute to their children's learning to read to be neglected. Hence, this study suggests appropriate fun learning methods to be used in the teaching of reading. In conclusion, these findings can aid teachers to identify students' level of readiness to learn as well as to reorganize lesson strategies in the classroom. The use of fun learning helps teachers to plan effective teaching techniques in developing exceptional individuals.

**Keywords:** fun learning, reading skill, readiness of study, family back round.

### Cite This Article:

Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Marzni Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi, Zullaili Hason. (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam Meningkatkan Kesediaan Belajar Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimun. *Asian Journal of Civilization Studies. (AJOCS)*, 3(1), 45-57.

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan bahawa keberhasilan utama pendidikan Malaysia dilihat daripada dua perspektif penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu kualiti sekolah dan kemenjadian murid. Kemenjadian murid dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan manakala kualiti murid dilihat dari segi pencapaian akademik dengan tahap penguasaan minimum dalam UPSR. Kemahiran membaca merupakan asas untuk memahami proses pembelajaran yang lebih kompleks. Transformasi dalam bidang pendidikan menetapkan bahawa penandaarasan dalam kemahiran membaca akan dilaksanakan dengan standard antarabangsa untuk memastikan kecekapan setiap murid dalam kemahiran membaca bahasa Melayu. Matlamat ini bertepatan dengan aspirasi KPM bahawa semua murid berkeupayaan untuk menguasai asas literasi.


Laporan PPPM 2013-2025, menjelaskan 27 093 orang murid sekolah rendah masih belum menguasai kemahiran membaca.

Berdasarkan Laporan Tahunan PPPM 2016 (KPM,2017) Perbandingan Skor *Programme of International Student Assessment* (PISA) bagi Literasi Bacaan, Malaysia berada di tangga ke-414 pada 2009 dan tangga ke-398 pada 2012. Laporan PISA 2015, bagi 72 buah negara dan hampir 540,000 murid mengambil bahagian dalam kajian menentukan tahap penguasaan dalam literasi bacaan, Malaysia hanya menduduki tangga ke-431. (PPDP, 2016).

## PERNYATAAN MASALAH

Masalah tidak boleh membaca, tidak cekap membaca dan tidak gemar membaca dalam kalangan murid sekolah masih terus berlaku. Menurut Abdul Rasid (2011), masalah penguasaan kemahiran membaca menjadikan murid lemah dan tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Kegagalan menguasai kemahiran membaca ini akan menyebabkan murid menghadapi sindrom rendah diri dan malu berdepan dengan masyarakat umum. Yahya et al. (2009) menyatakan terdapat murid yang malas dan kurang memberikan perhatian terhadap bahan yang dibaca kerana tidak memahami teks yang dibaca, tidak gembira dan lambat ketika membaca. Mereka belum mencapai tahap minimum (BMTPM) dalam penguasaan pengetahuan dan kefahaman sistem bahasa, kosa kata serta penyampaian maklumat yang masih rendah.

Berdasarkan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019 (KPM, 2019), pencapaian UPSR 2019 menunjukkan peningkatan MTM iaitu tahap penguasaan minimum meningkat sebanyak 2.95% berbanding tahun 2018. Dan penurunan pencapaian calon yang belum mencapai tahap penguasaan minimum iaitu gred E dalam semua mata pelajaran sebanyak 1.17% berbanding 1.37% pada tahun 2018. Walaupun terdapat peningkatan Menguasai Tahap Minimum, namun angka ini masih besar dan perlu penambahan bagi meningkatkan kemenjadian murid.




Rajah 1: Pencapaian calon UPSR tahun 2019 berbanding tahun 2018 dan analisis tahap penguasaan minimum (MTM).

Analisis prestasi bagi kertas Pemahaman dan Penulisan Bahasa Melayu bagi tahun 2019 menunjukkan masih terdapat murid BMMTM yang memerlukan bimbingan daripada guru-guru. Terdapat 3.40% murid masih belum mencapai tahap minimum penguasaan dan

kefahaman sistem bahasa di sekolah kebangsaan. Hal ini ditambah pula dengan 4.67% murid masih belum mencapai tahap minimum penguasaan kertas Penulisan.

Bagi kertas Pemahaman SK, pengetahuan dan kefahaman sistem bahasa berada pada tahap rendah, kosa kata terhad serta penyampaian maklumat yang kurang memuaskan. Demikian juga kertas Penulisan SK menunjukkan penguasaan dalam kata dan kosa kata adalah terhad, ayat tidak gramatis serta penyampaian dan pengolahan idea bercampur aduk dan tidak menarik.



Rajah 2: Prestasi mengikut gred bagi Kertas Pemahaman dan Penulisan Bahasa Melayu (2019)

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengesan kesediaan belajar dan latar belakang murid yang menyebabkan mereka belum menguasai tahap pencapaian minimum (BMTPM) dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu dan mengenal pasti sejauh manakah pengaruh didik hibur memberi impak terhadap murid tersebut.

## TINJAUAN LITERATUR

### Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Menurut Abdul Rasid (2011), kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan individu untuk mengecam simbol-simbol visual yang dilihat yang menghubungkan antara bentuk huruf dan bunyi serta berupaya memahami maksud perkataan yang dibaca. Membaca dapat membantu memperluas pemikiran dan idea serta

meningkatkan daya kreatif individu. Membaca melibatkan kedua-dua aktiviti verbal dan literasi secara serentak. Menurut Isahak (2011), kemahiran membaca merupakan proses mengenal bunyi huruf, membina suku kata seterusnya membentuk perkataan yang bermakna, membaca frasa dan membina ayat bermula dengan ayat mudah kepada ayat yang lebih sukar.

### **Teori Dan Model Membaca**

“Taxonomy of Educational Objectives” telah memberi perspektif baru dalam menilai tahap kefahaman membaca. Domain kognitif dalam Taksonomi Bloom dikelaskan kepada enam kategori iaitu pengetahuan, pemahaman, penggunaan, analisis, sintesis, dan penilaian. (Bloom et.al., 1956). Yahya (2004) menjelaskan Model Interaktif oleh David E. Rumelhart dan Model Interactive-Compensatory oleh Keith E. Stanovich yang menghuraikan membaca sebagai proses perceptual dan kognitif. Mereka percaya pembaca berinteraksi dengan teks untuk mendapatkan makna. Teori pembelajaran ini melihat pengetahuan diorganisasikan sebagai suatu rangkaian struktur mental yang terperinci, bersifat abstrak dan mewakili pemahaman seseorang berkaitan dunia yang luas.

### **Kaedah Didik Hibur**

Didik bermaksud mengajarkan sesuatu pelajaran dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Hibur dalam konteks pengajaran bermakna pembelajaran yang menyenangkan atau menggirangkan serta berasa seronok. Mazlan (2016) menyatakan elemen didik hibur atau humor menekankan keseronokan melalui unsur-unsur kecindan yang dapat memikat murid untuk terus belajar. Menurut Buku Penerangan KSSR (2017), didik hibur bermaksud mendidik sambil menghibur, bersifat santai dan menyeronokkan dalam keadaan terkawal. Strategi ini dimasukkan dalam KSSR sebagai satu transformasi kurikulum persekolahan (KPM, 2011). Penekanan yang wajar diberikan dalam aspek ini ialah teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi.

Didik hibur juga adalah tempat pembelajaran untuk membolehkan kanak-kanak berasa terhibur dengan apa-apa sahaja yang mereka pelajari hasil daripada penggabungan pendidikan dengan aspek hiburan serta pelbagai jenis media seperti bunyi, animasi, video, teks dan imej. Sehubungan itu, didik hibur dapat diterjemahkan sebagai satu kaedah pengajaran yang mementingkan elemen keseronokan dan hiburan dalam pembelajaran, yang dapat merangsang minat murid untuk lebih memahami dan meneroka tanpa rasa takut dan tidak selesa. Justeru, pembelajaran yang bermakna dan berkesan dapat diwujudkan serta kemenjadian murid juga terhasil.

### **Murid Belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimum (Bmtpm)**

Setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan (KPM 2019). Guru seharusnya memahami keperluan konsep pemulihan di dalam bilik darjah bagi membimbing murid menguasai kemahiran membaca. Murid BMTPM adalah mereka yang gagal menghadapi kerja normal sekolah untuk kumpulan sebaya mereka tetapi kegagalan mereka bukan disebabkan oleh kecacatan (JPK, 1999).

Menurut Zalizan (1986), kesulitan membaca ditunjukkan melalui bacaan yang tidak lancar seperti sukar membatang, sering tergagap kerana tidak lancar mengeja dan membunyikan perkataan, manakala menurut Mak (1994) mereka lambat menghabiskan bacaan dan kadang kala tidak boleh membaca langsung.

### **Kesediaan Belajar**

Menurut kamus Dewan, istilah ‘kesediaan’ bermaksud kesanggupan atau kerelaan manakala istilah ‘belajar’ bermaksud menuntut ilmu pengetahuan. Oleh itu, dapatlah ditakrifkan ‘kesediaan belajar’ sebagai keadaan diri individu yang sudi menerima maklumat atau ilmu pengetahuan dari persekitaran dengan berfikiran terbuka. Kesediaan belajar merupakan faktor yang sangat penting untuk memastikan setiap isi kandungan pelajaran difahami oleh murid.

Menurut Bruner (1966), kesediaan belajar adalah merujuk kepada apa jua perkara yang dapat disampaikan secara berkesan kepada kanak-kanak pada mana-mana peringkat perkembangan. Maka, kesediaan belajar dapat diwujudkan melalui perkembangan individu dari segi emosi, intelek, psikomotor dan kematangan murid. Elemen ini amat mempengaruhi gaya pembelajaran murid. dan dapat membantu murid untuk memahami pelajaran baharu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan sedia ada. Kesediaan membaca pula merupakan peringkat permulaan pertumbuhan di mana kanak-kanak telah mencapai kematangan untuk mula diajar membaca. Kesediaan murid belajar dipengaruhi juga oleh persekitaran keluarga, rakan sebaya, sekolah, cara hidup masyarakat dan media sebaran am.

### **Latar Belakang Keluarga**


Latar belakang keluarga merangkumi kelas sosial, latar belakang kebudayaan dan status ekonomi yang mempengaruhi kehidupan semua kanak-kanak dari mula mereka dilahirkan. Status sosio ekonomi pula merujuk kepada kedudukan individu atau hierarki sosial sesuatu masyarakat. Yahya (2004), menyatakan latar belakang keluarga merujuk kepada ibu bapa dan ahli keluarga paling rapat dengan murid. Mereka bertanggungjawab untuk mendidik, mengasuh dan membimbing anak-anak. Status sosio ekonomi merujuk kepada kedudukan individu atau keluarga dalam hierarki sosial sesuatu masyarakat.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Ghazali dan Sufean (2016), metodologi ialah teknik-teknik yang dilaksanakan dengan tersusun rapi, teratur serta teliti mengenai semua masalah yang dikaji. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengkaji menyelidik dan meneliti pengaruh didik hibur dalam merungkai permasalahan membaca bahasa Melayu manakala responden kajian adalah murid belum menguasai tahap pencapaian minimum (BMTPM). Penggunaan reka bentuk kajian kes ini memudahkan pengkaji mengenal pasti tempat kajian dan dapat membuat pemerhatian dengan lebih mendalam (Creswell, 2003). Kajian ini memilih penelitian lapangan yang menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu temu bual dan analisis dokumen. Pelaksanaan penelitian lapangan kajian kes ini akan melibatkan lima orang responden kajian.

## Sampel Kajian

Bagi kajian ini, sampel kajian ialah 5 orang murid BMTPM Tahun 6 yang dipilih melalui Ujian Diagnostik Membaca dan mendapat keputusan di Aras 1.



Rajah 3: Ujian Diagnostik Membaca (BMTPM)

## Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan sumber sekunder dan sumber primer. Data sekunder diperolehi daripada buletin pendidikan, akhbar-akhbar, buku-buku ilmiah dan laman sesawang di internet, maklumat program intervensi MTM sekolah serta dapatan kajian permasalahan membaca daripada PPD, JPN dan KPM. Data primer diperoleh daripada hasil temu bual mengenai kesediaan dan pengalaman pembelajaran murid tahun 6 serta latar belakang sosial mereka. Temu bual adalah berdasarkan soalan-soalan separa struktur dan dilaksanakan sekali bagi setiap murid. Menurut Marohaini (1999), bilangan responden kajian yang kecil mencukupi memandangkan tujuan utama kajian adalah untuk mendapatkan dapatan yang boleh memberi gambaran secara holistik dan bermakna. Analisis dan interpretasi data dalam kajian ini melibatkan analisis kajian kes. Bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah digariskan, beberapa sesi temu bual telah dijalankan terhadap lima responden. Data temu bual ini dianalisis dengan menentukan pola dan tema yang berulang. Tema-tema ini dikelompokkan kepada kategori spesifik yang digunakan untuk pengurusan data.

## Dapatan Kajian

Fenomena tidak menguasai kemahiran membaca menyebabkan kegagalan murid untuk mendapat ilmu. Bagi kajian ini, faktor kesediaan belajar dan pengaruh latar belakang keluarga mengakibatkan murid tidak menguasai kemahiran membaca.

Kategori Kesediaan Belajar Murid	Sub/Kategori	od	I	Kek erapan
			erapan	
	Kerap tidak hadir ke sekolah	BM 1		3
	Lupaan	BM 2		9
	Kurang tumpuan	BM 3		7
	Malas membaca	BM 4		7

	Tidak minat belajar apa yang dirasakan susah	BM 5	9
	Rendah diri (malu bersaing)	BM 6	4
	Kurang dorongan/motivasi Tiada disiplin belajar	BM 7	7
	Pelajaran bukan keutamaan/ Pengaruh rakan sebaya	BM 9	4

Jadual 1: Elemen Yang Mempengaruhi Kesediaan Belajar

Kesediaan belajar kanak-kanak adalah berbeza. Hasil temu bual mendapati perkara ini berlaku disebabkan elemen tingkah laku murid seperti perasaan malu, rendah diri, takut ditertawakan kerana tidak boleh membaca. Dapatkan kajian mendapati murid yang ditemu bual kurang keyakinan diri. Mereka lebih banyak mendiamkan diri daripada mengambil bahagian dalam aktiviti kelas.

Punca yang mempengaruhi masalah kesediaan belajar responden kajian adalah kurang memberi tumpuan ketika guru mengajar, lupaan, perasaan malu untuk bersaing atau pasif, tiada disiplin belajar dan tidak berminat untuk mempelajari perkara yang dirasakan sukar. Tumpuan murid amatlah penting ketika pembelajaran, namun hasil kajian mendapati responden kajian tidak memberi tumpuan ketika pembelajaran. Hal ini berlaku kerana bosan, mengantuk dan tidak memahami isi pelajaran terutama yang melibatkan pembacaan kerana mereka masih belum boleh menguasai kemahiran membaca.

Pengunduran diri merupakan mekanisme helah bela diri yang digunakan oleh kanak-kanak melibatkan pengelakan atau pelarian daripada situasi yang mengancam. Hal ini berlaku kerana pengalaman kegagalan. Kanak-kanak yang pernah gagal serta takut menghadapi kegagalan akan mengundurkan diri. Dalam konteks ini, murid yang merasakan diri mereka lemah menyebabkan mereka tidak mahu bersaing dan pasif. Mereka tidak mahu bergaul dengan murid yang lebih cemerlang. Kecenderungan ini menjurus perubahan dalam diri seperti tingkah laku menyerang, tingkah laku mengundur dan tingkah laku kompromi. Hasil kajian juga menunjukkan murid-murid tiada disiplin belajar di kelas dan di rumah. Dapatkan temu bual dengan responden kajian, mendapati mereka jarang atau tidak pernah belajar membaca di rumah.

Lupaan mempengaruhi masalah kesediaan belajar dan kegagalan murid menguasai kemahiran membaca. Hasil temu bual semua responden kajian mengalami masalah lupaan dan tidak menguasai kemahiran membaca peringkat asas. Kurang kesediaan belajar murid dipengaruhi oleh sifat malas membaca untuk mengulangkaji semula pelajaran yang telah diajar. Proses belajar membaca memerlukan latih tubi. Sekiranya tidak berlaku, maka kemahiran membaca tidak dapat berkembang dan mengundang risiko tidak boleh membaca kekal dalam kalangan murid. Kerap tidak hadir sekolah juga menyebabkan risiko murid ketinggalan dalam pembelajaran membaca.

Kurang motivasi keluarga dan pengaruh rakan sebaya menyebabkan kanak-kanak yang sememangnya kurang kesediaan belajar itu menemui jalan buntu dan kesediaan belajar semakin turun. Kanak-kanak mudah terpengaruh dengan apa yang dilihatnya sebagai satu penarikan. Dalam kajian ini, responden terdorong memilih kawan yang mempunyai situasi dan minat yang sama dengan mereka. Contoh yang jelas, bila diajukan pertanyaan mengenai siapakah kawan-kawan mereka, responnya ialah murid sekelas atau rakan sepasukan mereka. Demikian juga,

respon soalan apakah yang selalu mereka lakukan bersama, ialah bermain bola, memancing dan berbasikal. Kenyataan ini jelas menunjukkan isu membaca juga disebabkan pengaruh rakan sebaya.

## Latar Belakang Keluarga

Latar belakang keluarga merangkumi kelas sosial, latar belakang kebudayaan dan status ekonomi yang mempengaruhi kehidupan semua kanak-kanak. Keluarga pula adalah unit sosial personaliti seseorang individu itu tumbuh dan berkembang. Struktur dan iklim kekeluargaan mempengaruhi personaliti kanak-kanak. Bagi kajian ini, pengaruh latar belakang keluarga telah direkodkan di dalam Jadual 2.

Kategori	Sub/Kategori	Kod	Kekerapan
Latar Belakang Keluarga	Tahap pendidikan rendah	1	LBK 5
	Tahap ekonomi rendah	2	LBK 4
	Persekutuan pembelajaran di rumah kurang selesa	3	LBK 2
	Kurang bahan bacaan sampingan	4	LBK 4
	Kurang masa diluang untuk ajar anak membaca dan sikap kebergantungan keluarga kepada sekolah	5	LBK 3
	Tiada kaedah (tidak tahu) bagaimana untuk membantu anak	6	LBK 5
	Kurang kesedaran dan pelajaran bukan keutamaan	7	LBK 4

Jadual 2: Elemen Latar Belakang Keluarga

Ekonomi keluarga menyumbang kepada keupayaan untuk membantu pendidikan anak-anak. Sekiranya ekonomi keluarga berada di tahap rendah, maka banyak peluang peningkatan diri terpaksa dilepaskan. Murid dalam kumpulan rendah sosioekonomi sering dikaitkan dengan risiko kegagalan dalam akademik. Hasil temu bual mendapati ibu bapa menaruh harapan yang tinggi terhadap anak mereka tetapi terhalang oleh desakan kemiskinan. Pendapatan mereka tidak setimpal dengan anak-anak yang ramai. Mereka tidak mampu untuk membeli bahan bacaan tambahan dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang merangsang minat membaca anak-anak.

Seterusnya, guru-guru bertanggungjawab untuk mendidik secara formal di sekolah dan tugas tersebut seharusnya disambung oleh ibu bapa di rumah. Namun, kebergantungan keluarga kepada pihak sekolah bagi menyelesaikan masalah membaca anak-anak mereka turut menjadi penyebab permasalahan dalam membaca. Perkara ini berlaku kerana mereka tidak mempunyai kaedah atau tidak tahu cara untuk mengajar anak mereka atas kemahiran membaca bahasa Melayu.

Gangguan persekitaran pembelajaran bermaksud situasi yang menyebabkan suasana pembelajaran tidak berlaku seperti gangguan kebisingan, ruang pembelajaran yang tidak selesa, sikap negatif seperti ejek mengejek ahli keluarga dan sebagainya. Gangguan sebegini menyebabkan kurangnya kesediaan untuk belajar dan mewujudkan tekanan kepada murid-murid. Justeru, persekitaran belajar amat perlu diutamakan oleh penjaga demi meningkatkan pembelajaran anak mereka di rumah.

Demikian juga, kekurangan bahan bacaan sampingan di rumah menyumbang kepada permasalahan membaca. Berdasarkan dapatan kajian, 4 daripada 5 orang murid yang ditemui bual menyatakan pendirian yang sama. Mereka tidak tahu bahan bacaan yang dimaksudkan. Pada pendapat mereka, bahan untuk pandai membaca ialah buku-buku sekolah sahaja.

### Cadangan Bagi Mempertingkat Penguasaan Membaca

Faktor kesediaan belajar dan latar belakang keluarga merupakan aspek utama menyebabkan keciran dalam penguasaan kemahiran membaca. Justeru, cadangan-cadangan bagi mempertingkat penguasaan membaca murid BMTPM adalah seperti berikut:

Guru perlu mempelbagaikan aktiviti dan merangsang minat murid melalui kaedah seperti didik hibur. Kesediaan murid untuk menerima pelajaran amat penting bagi memastikan mereka berminat untuk terus belajar. Murid sepatutnya diberi ruang yang sama dan keutamaan dalam pembelajaran. Guru-guru juga perlu kreatif dan kritis dalam menangani konteks pembelajaran bermakna dengan melaksanakan teknik dan aktiviti pengajaran yang lebih menarik, variasi, dan melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran.

Menurut Aliza dan Zamri (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa pembelajaran dengan cara bermain lebih menarik dan merangsang murid melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Bermain adalah cara terbaik untuk membantu kanak-kanak menguasai konsep bahasa yang abstrak melalui pengalaman konkret dan mampu menanam minat anak-anak untuk terus belajar membaca. Antaranya, mempraktikkan Pendidikan Abad ke-21 yang kaya dengan elemen didik hibur dan pembelajaran terbeza. Sekiranya strategi dan teknik pengajaran terhadap murid ini dapat dilaksanakan mengikut ciri tersebut, dijangka mereka akan mempunyai kesediaan belajar yang tinggi untuk belajar membaca.

Intervensi pemulihan bahasa Melayu secara berterusan dan berkesan perlu dilaksanakan. Pembelajaran perlu bermula daripada mudah kepada yang lebih kompleks. Intervensi pemulihan membaca bahasa Melayu hendaklah dilaksanakan mengikut tahap dan potensi murid. Bilangan murid bagi satu-satu sesi pelajaran juga perlu dihadkan kepada kumpulan yang kecil. Guru-guru perlu bersedia menghadapi perbezaan individu untuk mengelakkan murid-murid merasa diabaikan. Antara langkah yang perlu dilaksanakan adalah mengumpul murid mengikut kebolehan antara kelas, mengikut mata pelajaran dan kelas pemulihan. Pengajaran kemahiran asas perlu disampaikan dahulu sebelum pembelajaran kemahiran yang lebih tinggi dan kompleks untuk menangani masalah kesediaan murid yang pelbagai. Contohnya mengukuhkan asas murid-murid dengan membaca, mengeja dan membunyikan perkataan sebelum diminta membuat ayat mudah. Maka, guru-guru perlu mengajar murid-murid kemahiran membaca dengan lancar daripada menyogok mereka dengan kandungan pelajaran yang luas sekiranya mereka masih tidak mampu untuk membaca.

Menurut Abdul Rasid et al. (2016), kaedah didik hibur dapat mengupayakan kemahiran membaca diperoleh secara mudah melalui teknik nyanyian, bercerita, berlakon, mendeklamasi atau berpuisi Ia dilaksanakan secara lebih santai tetapi bermakna. Razana et al. (2014), menyatakan bahan pengajaran multimedia mempunyai sifat dinamik berbanding bahan bercetak yang bersifat statik. Ini menjadikan aktiviti pembelajaran menyeronokkan dan menarik. Contohnya, penggunaan video dan animasi dapat membantu murid memahami sesuatu konsep dengan jelas dan mudah. Penggunaan muzik latar turut memberi keseronokan

kepada pembelajaran. Guru perlu sentiasa kreatif mencari idea menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan.

Kawalan kelas amat penting bagi memastikan kesediaan belajar murid. Guru perlu memastikan kawalan kelas diutamakan dan murid dirangsang untuk memberi tumpuan sebelum pengajaran bermula. Seterusnya, wujudkan perasaan suka dan minat untuk belajar membaca dengan kaedah didik hibur yang menggabungkan elemen visual, audio, kinestatik dan taktikal (VAKT) dalam pengajaran. Murid kurang bermotivasi dan memberikan perhatian kepada pembelajaran sekiranya pengajaran guru membosankan. Menurut Norlela dan Shamsudin (2020), guru-guru juga perlu didedahkan kepada kaedah didik hibur secara taktikal. Guru sebagai perancang dalam pengajaran dan pembelajaran berperanan bagi mewujudkan aktiviti yang dapat memberikan cabaran kepada murid-murid.

Cabaran yang ditonjolkan dalam sesuatu aktiviti akan mendorong murid untuk terus melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Justeru, didik hibur dapat mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid dan Hasmah (2013) mendapati bahawa impak amalan pembelajaran yang menyeronokkan dalam bahasa Melayu lebih ketara kepada aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan responden tentang kaedah mahupun teknik yang efektif sehingga mampu meningkatkan prestasi pengajaran mereka. Contohnya melalui nyanyian, gerakan dan penggunaan gadjet yang semakin menjadi tarikan bagi murid-murid. Program-program intervensi guru-guru perlu lebih berfokus kepada didik hibur kemahiran membaca. Menurut Norlela dan Shamsudin (2020), memperbanyak kursus dan bengkel penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) berbantukan komputer dengan mengambil kira kepelbagaiannya aras murid dan mempunyai elemen didik hibur perlu agar pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan berlaku. Di samping itu strategi pengajaran guru, contohnya penerangan, demonstrasi, sumbang saran dan sebagainya haruslah bersesuaian dengan tahap kognitif, emosi dan fizikal murid-murid.

Program permuafakatan SARANA ibu bapa dan penjaga dengan pihak sekolah perlu dilaksanakan bagi menangani persoalan kedua dalam permasalahan membaca iaitu latar belakang penjaga. Melalui program sebegini, ibu bapa dapat didedahkan dengan “tips-tips” dan panduan yang boleh mereka berikan kepada anak-anak di rumah meliputi bidang akademik, amalan harian, sikap, pemakanan, kasih sayang dan sebagainya. Demikian juga, interaksi antara ibu bapa, guru dan pihak sekolah perlu dipertingkatkan. Ibu bapa tidak sepatutnya meletakkan beban mendidik anak-anak mereka di bahu guru dan sekolah semata-mata. Sebaliknya, tanggungjawab ini hendaklah dikongsi bersama. Ibu bapa boleh berjumpa dengan guru atau pihak sekolah untuk mendapatkan maklumat mengenai kemajuan anak mereka. Pada masa yang sama, mereka boleh membekalkan maklumat atau input berkaitan anak mereka di rumah yang mungkin berguna kepada guru bagi menangani permasalahan membaca ini.

## **KESIMPULAN**

Para pendidik perlu memupuk masyarakat yang mampu membaca bagi melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu. Permasalahan membaca merupakan penghalang besar kepada kejayaan buta huruf sifar. Fenomena tidak menguasai kemahiran membaca menyebabkan kesukaran mencapai kecemerlangan pendidikan seperti yang dihasratkan oleh negara. Dapatan kajian

menjelaskan bahawa kesediaan belajar murid amat penting dalam membentuk tabiat belajar. Sekiranya individu belum benar-benar bersedia untuk belajar, maka akan berlakuh permasalahan dalam pembelajaran kemahiran membaca. Guru memainkan peranan penting bagi mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan murid-murid. Antaranya, guru haruslah kreatif mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti pembelajaran koperatif, kerja berkumpulan, dan berpasangan supaya berlaku bimbingan rakan sebaya di mana murid yang kurang bersedia akan dibantu oleh murid yang bersedia.

Demikian juga, guru haruslah menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap kesediaan murid untuk belajar. Latar belakang dan pengaruh keluarga juga memainkan peranan penting dalam membentuk penguasaan murid-murid dalam membaca. Kesimpulannya, semoga dapatan ini dapat membantu guru-guru menyusun semula strategi pengajaran dan pembelajaran dan mengenal pasti ciri-ciri murid BMTPM. Aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional perlu diterapkan dalam diri setiap murid. Guru sebagai penggerak pembelajaran bermakna perlu memastikan potensi dan kemenjadian murid sebagai keutamaan.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Jpbm, Vol. 3, Bil. 2 (Nov. 2013): 49-63
- Abdul Rasid Jamian (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah Luar Bandar. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1) (2016): 39-45.
- Aliza Ali dan Zamri Mahamod. (2016). Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* ISSN: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 1 (Mei 2016): 16-29
- Bloom, B.S., Engelhart, M.D., Furst,E.J., Hill,W.H., & Krathwohl, D.R. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Handbook I (Cognitive Domain)*. London: Longman.
- Bruner, J. S. (1966). Toward a theory of instruction, Cambridge, Mass.: Belkapp Press.
- Creswell J.W. (2003). Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches. United Kingdom: Sage Publications.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Isahak Haron. (2011). Kaedah Mengajar Literasi Awal Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Dengan Tumpuan Kepada Kaedah Gabungan Bunyi Kata. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jabatan Pendidikan Khas. (1999). *Buku panduan pelaksanaan program pemulihan khas (masalah penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur: Watan.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Standard Kurikulum Seni Bahasa dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Bahagian Perkembangan Kurikulum, Putrajaya. Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2020. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Putrajaya. Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Buku Penerangan KSSR Semakan 2017. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya. Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Laporan Tahunan 2016 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) Putrajaya. Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019. Putrajaya. Malaysia.
- Marohaini Yusoff (1999). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazlan Ismail. (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu, Didik Hibur dan Seni Bahasa*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. (1994). *Penilaian, pemulihan dan pengayaan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa.
- Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. International *Journal of Education and Training (InjET)*. Universiti Putra Malaysia.
- Razana Baharudin, Noriza Nayan, Nur Saadah Fathil, Ahmad Suhaimi Mohd Noor,Saridan Abd Hamid, Azman Uyub, Abd Harith Hasan, Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif: Seni Anyaman Melayu , *Journal of ICT in Education: Vol 1 (2014): Journal of ICT in Education (JICTIE)*.
- Ruddell, R.B., & Ruddell, M.R. (1995). *Teaching Children to Read and Write, Becoming an Influential Teacher*. Massachusetts: Allyn and Bacon, A Simon and Schuster Company.
- Yahya Othman (2004). *Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. SPP Edisi Kedua. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Yahya Othman, Roselan Baki and Naffi Mat (2009). *Pemerksaan Pendidikan Bahasa Melayu: Dari Teori Ke Praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zalizan Mohd. Jelas. (1986). Kanak-kanak lembam: Masalah yang patut diatasi segera. Dalam Ibrahim Saad (Ed.), *Isu pendidikan Malaysia* (hh. 353-360). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.